

TAJUK: QIRAATTANPA SUMBER DALAM TAFSIR *MARĀH LABIDLI KASHF MA'NA AL-QUR'ĀN AL-MAJID* KARYA SHEIKH NAWAWI BANTEN

Ikmal Zaidi bin Hashim
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ikmalzaidi@kuis.edu.my

ABSTRAK

*Keprihatinan para mufassirūn terhadap kepelbagaian qiraat merupakan satu fakta yang tidak boleh dinafikan. Ini terbukti melalui karya-karya mereka yang muhtabarsama ada yang beraliran al-Ma'thūr mahu pun al-Ra'y. Ini membuktikan kepentingan dan legitimasi qiraat sebagai salah satu sumber pentafsiran al-Quran sejak dahulu lagi sama ada qiraat yang mutawātirah mahu pun shādhah. Untuk itu kajian ini tertumpu kepada salah satu tafsir hasil tulisan ulama terkenal nusantara iaitu Sheikh Nawawi al-Bantani bertajuk *Marāh Labidli Kashf Ma'na al-Qur'ān al-Majid*. Penulis mendapati karya ini memuatkan qiraat yang tidak dinisbahkan kepada sesiapa sama ada sahabat, tabii atau mana-mana Imam Qiraat. Ia merupakan sampel yang menarik untuk dikaji dan dianalisa bagi menjawab beberapa persoalan penting. Antaranya ialah sumber rujukan Sheikh Nawawi dalam menyebut bacaan atau qiraat tersebut, alasan tidak menyandarkan qiraat kepada sesiapa yang epistemologinya ialah al-Riwāyah, nilai ilmiah yang ada pada qiraat tersebut yang memberi kesan kepada pentafsiran Al-Quran dan sebagainya. Penulis secara induktif menganalisa setiap fakta tekstual dalam karya ini bermula daripada surah al-Fātihah hingga surah al-Kahf sebagai sampel kajian. Analisa ini bertujuan membuktikan bahawa Sheikh Nawawi Banten mempunyai alasan tersendiri sehingga mendorong beliau memuatkan qiraat tanpa sumber dalam *Marāh Labid*.*

Kata kunci: *Tafsir Marāh Labid, Qiraat Tanpa Sumber.*

1. Pendahuluan

Para ulama mendefinisikan ilmu qiraat sebagai ilmu yang membicarakan tentang cara-cara (*kayfiyyāt*) sebutan perkataan-perkataan dalam Al-Quran dan pelaksanaan cara-cara tersebut (*tariq al-Ādā'*) sama ada yang disepakati mahu pun yang diperselisihkan serta menyandarkan atau menisbahkan setiap cara tersebut kepada individu yang membawa atau meriwayatkannya (Bazamul, 1996). Sumber qiraat pula ialah apa yang dipindahkan (*al-Naql*) daripada para Imam Qiraat yang bersambung sanad mereka dengan Rasulullah s.a.w. Maka apabila dalam sebuah karya tafsir seperti *Marāh Labid* ini terdapat qiraat yang tidak disandarkan kepada mana-mana Imam Qiraat maka ia perlu dikaji bagi menentukan status sebenar qiraat tersebut dari sudut periwayatan seterusnya dari sudut penghujahan.

2. Susun letak fakta mengenai qiraat dalam *Marāh Labid*

Kepelbagaian wajah qiraat terbahagi kepada dua iaitu *Uṣūl al-Qirā'āt* dan *Farsh al-Hurūf* (Qabah, 1999). Dalam *Marāh Labid* kebanyakan qiraat yang dinyatakan melibatkan *Farsh al-Hurūf*. Ini disebabkan perbezaan qiraat dalam bahagian tersebut memberi kesan kepada makna dan pentafsiran sedangkan perbezaan dalam bahagian *Uṣūl al-Qirā'āt* lebih

bersifat *al-Sawtiyyah*¹ yang tidak banyak memberi kesan kepada makna. Walau bagaimanapun dalam *Marāh Labid*, Sheikh Nawawi tidak menyentuh kesemua wajah qiraat dalam setiap ayat yang ditafsirkan. Terdapat banyak ayat yang tidak dijelaskan perbezaan qiraat yang terkandung di dalamnya seperti dalam ayat 28 dan 38 surah *al-Baqarah*.

Fakta-fakta qiraat dalam *Marāh Labid* secara keseluruhan terdiri daripada beberapa elemen:

- Cara bacaan atau qiraat
- Qari atau Imam yang dinisbahkan qiraat tersebut
- Status qiraat sama ada *mutawātirah* atau *shādhah*
- Alasan dan hujah (*tawjih*) bagi setiap qiraat yang dinyatakan

Walaupun Sheikh Nawawi tidak konsisten dalam memenuhi kesemua elemen di atas tatkala menyebut qiraat. Dalam banyak keadaan beliau menyatakan kesemua elemen di atas, ada ketika beliau hanya menyebutkan qiraat tanpa menisbahkannya kepada mana-mana qari. Kadang-kadang beliau hanya menyebutkan qiraat tanpa menyatakan statusnya. Beliau juga tidak memberikan *tawjih* bagi semua qiraat. Dalam menerangkan *tawjih*, terdapat qiraat yang diberikan *tawjih* secara ringkas dan ada yang dijelaskan secara terperinci dan panjang lebar.

Daripada segi susunan Sheikh Nawawi sering mendahulukan qiraat *mutawātirah* daripada qiraat *shādhah*. Walau bagaimanapun kadang-kadang beliau menerangkannya secara bercampur-campur tanpa susunan tertentu.

Istilah dan terminologi yang selalu digunapakai oleh Sheikh Nawawi dalam menerangkan qiraat ialah (قرأ) , (قري) dan (قراءة). Beliau juga ada menggunakan istilah (اختيار)² dan (حرف)³.

3. Qiraat *Mutawātirah* dan *Shādhah* dalam *Marāh Labid*

Bagi yang mempelajari qiraat, membezakan qiraat yang *mutawātirah* dan *shādhah* bukanlah suatu masalah kerana para ulama telah bersepakat bahawa qiraat selain Qiraat Sepuluh dikenalpasti sebagai *shādhah*. Walau bagaimanapun dalam *Marāh Labid*, kaedah yang paling asas dalam membezakan antara dua qiraat ini ialah melalui istilah-istilah dan terminologi qiraat yang digunakan oleh Sheikh Nawawi. Berdasarkan penelitian penulis terhadap fakta-fakta qiraat yang terkandung dalam pentafsiran surah *al-Fatihah* hingga surah *al-Kahf* boleh diklasifikasikan seperti berikut:

- **Qiraat *Mutawātirah***

Sheikh Nawawi kerap kali menggunakan istilah yang merujuk kepada qiraat tujuh

(القراءات السبعية) dan qiraat sepuluh (القراءات العشرية). Kedua-duanya merupakan qiraat yang *mutawātirah*. Dalam menyatakan perbezaan antara qiraat yang *mutawātirah* ini Sheikh Nawawi biasanya menggunakan istilah (الجمهور) yang menunjukkan ia merupakan qiraat

¹ Ia bermaksud perbezaan qiraat yang menyentuh kepelbagaian dialek seperti *al-Izhār*, *al-Idghām*, *al-Fath*, *al-Imalah*, *al-Taqlil*, *al-Ishmām*, *al-Ikhtilās* dan sebagainya.

² Ia bermaksud pemilihan qiraat oleh seseorang qari daripada semua qiraat yang diriwayatkannya dan menjadikannya satu aliran bagi dirinya sendiri. (Qabah, 1999)

³ Ia mempunyai banyak maksud. Dalam konteks ini, ia bermaksud qiraat atau bacaan.

majoriti *qurrā'*. Beliau juga menggunakan istilah (الباقون) dan (سائر القراء) bagi merujuk kepada qiraat yang selebihnya atau selain daripada qiraat tertentu yang telah disebutkan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun Sheikh Nawawi didapati tidak konsisten dalam menerangkan perbezaan qiraat apabila merujuk kepada qiraat tujuh atau sepuluh. Sebagai contoh beliau memasukkan Imam Ya^cqūb yang merupakan Imam dalam qiraat sepuluh tetapi pada tempat tertentu (contohnya dalam ayat 132 surah *al-Baqarah*) beliau tidak menyebut Imam Abū Ja^cfar yang juga Imam dalam qiraat sepuluh sebaliknya hanya menyebut para imam dalam qiraat tujuh sahaja.

- **Qiraat *Shādhah***

Qiraat *Shādhah* merupakan qiraat yang tidak memenuhi salah satu daripada tiga rukun qiraat. Dalam *Marāh Labid*, Qiraat *Shādhah* boleh dikenalpasti secara langsung dan jelas melalui istilah-istilah yang digunakan Sheikh Nawawi. Di samping itu terdapat Qiraat *Shādhah* yang tidak dinyatakan secara jelas tetapi boleh diketahui melalui penisbahannya. Contoh qiraat *Shādhah* yang dinyatakan secara jelas:

إِنَّا لِلَّهِمَا يِعْمَلُونَ مُحِيطٌ (120) بالياء باتفاق القراء العشرة.
أيانها الممايعملون في معاداتكم في عاقبهم عليه. وفي قراءة شاذة بالتاء.

Dalam menyatakan Qiraat *Shādhah* Sheikh Nawawi menyatakannya secara jelas dengan menyebutkan seperti (وقرى قراءة) dan (وقرأ قراءة شاذة), (وهذه قراءة شاذة), (وفي قراءة شاذة) (وقرى قراءة). Walau bagaimanapun banyak Qiraat *Shādhah* yang tidak dinyatakan oleh Sheikh Nawawi secara langsung dan jelas.

- **Qiraat yang dinisbahkan kepada sahabat**

Banyak qiraat dalam karya ini dinisbahkan kepada para sahabat seperti Ibn ^cAbbās, Ibn Mas^cūd, Ubayy ibn Ka^cab dan lain-lain. Penisbahan qiraat kepada sahabat menunjukkan bahawa ia pernah dibaca oleh sahabat-sahabat tersebut dan tidak bererti ia berstatus *mutawātirah* atau *ṣahihah*. Ia menunjukkan qiraat tersebut tidak lagi dibaca akibat tidak memenuhi rukun qiraat dan termasuk dalam Qiraat *Shādhah*. Walau bagaimanapun terdapat qiraat yang *mutawātirah* yang dinisbahkan kepada sahabat tetapi tidak dinisbahkan kepada mana-mana Imam daripada qiraat tujuh atau sepuluh. Contohnya pada ayat 126 surah *al-Baqarah*:

... فَأَمْتَعَهُ بِالرِّزْقِ قَلِيلًا أَيْمَدَةً عَمْرِهِ. وقرأ ابن عباس بسكون الميم.
ثُمَّ اضْطَرَّهَا بِالْجَنِّهِفِ يَا آخِرَةَ الْعَدَا بِالنَّارِ وَيُسَالِمُ صَبِيرٌ (126) هِيَ النَّارُ

Beliau menyatakan bahawa qiraat dengan *sukūn al-Mim* (فَأَمْتَعَهُ) ialah qiraat Ibn ^cAbbās tanpa menyebutkan bahawa ia adalah qiraat Imam Ibn ^cAmir, salah seorang Imam dalam qiraat tujuh.

- **Qiraat yang dinisbahkan kepada tabiin**

Antara tabiin yang dinisbahkan qiraat kepadanya seperti Mujāhid, Sa^cid ibn Jubayr, Ibn Abi^cAblah, al-Hasan al-Baṣri dan lain-lain. Sama seperti qiraat yang disandarkan kepada sahabat, qiraat yang disandarkan kepada tabiin bermaksud qiraat tersebut pernah dibaca dan

diriwayatkan oleh mereka secara talaqqi dan *mushāfahah* daripada guru-guru mereka dalam kalangan sahabat. Wajah-wajah bacaan tersebut telah tidak lagi dibaca dan termasuk dalam Qiraat *Shādhah*.

- **Qiraat yang tidak dinisbahkan kepada sesiapa**

Terdapat qiraat yang dinyatakan tanpa qurra'. Sheikh Nawawi biasanya menyebut qiraat tersebut dengan menggunakan perkataan (قرئ) yang bermaksud 'dibaca'. Seolah-olah wajah-wajah qiraat ini tiada sumber periwayatan. Walau bagaimanapun Sheikh Nawawi sering memberikan *tawjih* kepada qiraat tersebut. Ini menunjukkan bahawa beliau dalam hal ini lebih mementingkan *dirayah* daripada sumber *riwayah*. Walau pun begitu terdapat banyak qiraat yang tiada sumber *riwayah* ini tidak disertakan *tawjih*. Ini menunjukkan qiraat ini disebut disebut semata-mata untuk memperlihatkan kelainan bacaan.

4. Analisa Qiraat Tanpa Sumber dalam *Marah Labid*

Penulis meneliti setiap perkataan قرئ dalam teks *Marah Labid* dan mendapati pada setiap surah terdapat qiraat yang tidak dinyatakan sumber periwayatannya dan tidak dinisbahkan kepada mana-mana imam dan perawi sama ada dalam Qiraat Tujuh, Qiraat Sepuluh atau Qiraat *Shadhdhah*.

No	Surah	Ayat	Keterangan
1	Al-Baqarah	Ayat 49	2 tempat -tempat kedua- Ibn Muhaişin- kedua-duanya tiada <i>tawjih</i>
		Ayat 115	al-Hasan- dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 132	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 145	Tiada <i>tawjih</i>
		Ayat 148	Tiada <i>tawjih</i>
		Ayat 219	Tiada <i>tawjih</i>
		Ayat 229	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 271	2 wajah Wajah1-disebut sbg <i>shadhdhah</i> - tiada <i>tawjih</i> .Wajah2- dinisbah kpd al-Hasan-tiada dlm sumberdinyatakan <i>tawjih</i> .
2	Āl'Imran	Ayat 3	al-Muttawwi'ī-tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 23	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 49	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 50	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 71	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 78	Disebut sebagai <i>shadhdh</i> - tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 106	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 107	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 124	Disebut sebagai <i>shadhdh</i> - al-Hasan- dinyatakan <i>tawjih</i>
Ayat 133	Disebut sebagai <i>shadhdh</i> - tanpa <i>tawjih</i>		
3	Al-Nisa	Ayat 3	Abu Ja'far- dinyatakan <i>tawjih</i> .

		Ayat 6	2 wajah- salah satu-al-Hasan- tanpatawjih
		Ayat 10	Tanpatawjih
		Ayat 15	Tanpatawjih
		Ayat 34,	Abu Ja ^c far- dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 36	Dinyatakan <i>tawjih</i>
4	Al-Ma'idah	Ayat 41	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 50	al-Muttawi ^c i- dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 60	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 67	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 69	2 tempat-salah satu: Ibn Muhai ^s in- tanpatawjih
		Ayat 85	al-Hasan- tanpatawjih
		Ayat 109	Dinyatakan sbg <i>shadhdh</i> - dinyatakan <i>tawjih</i>
5	Al-An'am	Ayat 14	tidak dibezakan antara <i>mutawatirah</i> dan <i>shadhdh</i> - dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 27	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 61	Dinyatakan <i>tawjih</i>
6	Al-A'raf	Ayat 48	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 53	2 tempat- kedua-dua dinyatakan sebagai <i>shadhdh</i> - salah satu oleh al-Hasan- kedua-duanya dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 57	Tanpatawjih
		Ayat 59	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 128	Tanpatawjih
		Ayat 145	Tanpatawjih
		Ayat 154	2 wajah- dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 163	al-Muttawi ^c i- tanpa <i>tawjih</i>
Ayat 194	Tanpatawjih		
7	Al-Anfal	Ayat 30	Tanpatawjih
		Ayat 60	Tanpatawjih
		Ayat 61	Tanpatawjih
8	Al-Tawbah	Ayat 4	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 119	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 128	Ibn Muhai ^s in- dinyatakan <i>tawjih</i>
9	Yunus	Ayat 92	2 tempat- dinyatakan <i>tawjih</i>
10	Hud	Ayat 16	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 86	al-Hasan- dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 101	2 tempat- tanpatawjih
11	Yusuf	Ayat 16	Dinyatakan <i>tawjih</i>

		Ayat 18	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 31	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 45	al-Hasan- dinyatakan <i>tawjih</i>
12	Al-Ra ^c d	Ayat 33	al-A ^c mash- tanpatawjih
		Ayat 43	2 tempat- al-Hasan&al-Muttawi ^c i–kedua-duanya dinyatakan <i>tawjih</i>
13	Ibrahim	Ayat 9	Tanpatawjih
		Ayat 37	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 45	Dinyatakan <i>tawjih</i>
14	Al-Hijr	Ayat 46	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 56	Tanpatawjih
15	Al-Nahl	Ayat 20	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 37	Qiraat <i>Mutawatirah</i> - Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amr, Ibn ^c Āmir- tanpa <i>tawjih</i>
16	Al-Isra [']	Ayat 44	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 71	Tanpa <i>tawjih</i>
17	Al-Kahf	Ayat 12	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 44	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 55	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 76	Tanpa <i>tawjih</i>
		Ayat 80	Dinyatakan <i>tawjih</i>
		Ayat 98	Dinyatakan <i>tawjih</i>

Jadual 1.0 - Taburan qiraat tanpa sumber dalam *Marah Labid* (Al-Baqarah hingga Al-Kahf) Berdasarkan jadual di atas, qiraat yang tidak dinyatakan sumber atau tidak disandarkan kepada mana-mana qari atau imam qiraat dalam *Marah Labid* boleh dikategorikan kepada tujuh iaitu:

1- Qiraat yang tiada sumber sama sekali berserta *tawjih al-Qira'at*.

Iaitu qiraat yang tidak disebut dan tidak ditemukan sumber *riwayatnya*. Walau bagaimanapun *tawjih* bagi qiraat tersebut dinyatakan (Nawawi Banten, 1997: 45). Ini menunjukkan bahawa qiraat tersebut mempunyai nilai penghujahan yang menyebabkan pengarang menjelaskannya. Contohnya seperti dalam surah al-Baqarah ayat 132:

﴿قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أَرْوَاقَ الْكُتُبِ﴾
 الآية ﴿قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أَرْوَاقَ الْكُتُبِ﴾...

وَيَعْقُوبُ الْأَشْهَرُ أَنَّهُمْ عَطُوفٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَيَجُوزُ كَوْنُهُمْ مُبْتَدَأُ الْحَذِّ وَالْخَبْرِ وَالْمَعْنَى نَيْعُ قُوبٍ وَصَكُ
 صِيَةِ إِبْرَاهِيمَ. وَقُرْبًا لِنَصْبِ عَطْفًا عَلَيْهِ، وَالْمَعْنَى وَصَبَهَا إِبْرَاهِيمُ بِنِيَّتِهَا فَتُحْيِي قُوبًا

2- Qiraat yang tiada sumber sama sekali tanpa *tawjih al-Qira'at*.

Berbanding dengan di atas, qiraat kategori ini tiada sebarang hujah bagi wajah bacaan yang disebutkan. Penulis berpandangan bahawa Sheikh Nawawi hanya mahu memperlihatkan

kelainan pada perkataan tertentu tanpa mengaitkannya dengan tafsir (Nawawi Banten, 1997: 118). Contohnya dalam surah Āl'Imran ayat 23:



 ...وقرى «ليحكم» علالبناء للمفعول...

3- Qiraat yang disebut sebagai *shadhdhah* berserta *tawjih al-Qira'at*.

Sheikh Nawawi menyebutkan qiraat ini sebagai *shadhdhahtanpa* menisbarkannya kepada mana-mana *qari'*. Pada pandangan penulis, Sheikh Nawawi mungkin merujuk kepada mana-mana sumber tafsir yang menyebut qiraat yang sama atau berijtihad berdasarkan tulisan qiraat tersebut yang menyalahi *al-Rasm al-Uthmani*. Walau bagaimanapun *tawjih al-Qira'at* dinyatakan bagi menyokong pentafsiran ayat berkenaan (Nawawi Banten, 1997: 301). Contohnya dalam surah Al-Ma'idah ayat 109:




 «شاذاعلامالغيوب» ...وقرى

بالنصبا معالالا اختصاصاً وعلالنداء، أوعلناً نهدلما ناسم
 .«إن»
 والكلامقد تمبقوله تعالى : إنكأنأيتأتمتصفتبصفتكالسنية.

4- Qiraat yang disebut sebagai *shadhdhahtanpatawjih al-Qira'at* (Nawawi Banten, 1997: 153)

Contohnya dalam surah Āl'Imran ayat 133:



 ...وقرىشاذةوسابقواالمغفرة منربكم...

5- Qiraat yang tiada sumber tetapi sebenarnya *mutawatirah*.

Kategori ini agak menarik kerana ia menunjukkan bahawa Sheikh Nawawi Banten telah terlepas pandang terhadap sumber periwayatan qiraat tersebut. Walau bagaimanapun hanya terdapat satu qiraat sahaja yang terlibat iaitu pada surah al-Nahl ayat 37:



 ...وقرى «لايهدى» بالبناء للمفعول...

Apabila diteliti qiraat di atas sebenarnya dibaca secara demikian Nafi^c, Ibn Kathir, Abu^c Amr, dan Ibn^c Amir dan merupakan Qiraat *Mutawatirah* (^cAbd al-Fattah al-Qadi, 1999).

6- Qiraat yang tiada sumber tetapi sebenarnya *shadhdhah* berserta *tawjih al-Qira'at*.

Qiraat dalam kategori ini tidak dinyatakan sandarannya tetapi penulis mendapati bahawa ia sebenarnya dinisbahkan kepada salah seorang daripada empat perawi qiraat *shadhdhah* yang tersohor. Walau bagaimanapun Sheikh Nawawi tetap membawakan *tawjih* bagi qiraat berkenaan (Nawawi Banten, 1997: 515). Contohnya dalam surah Hūd ayat 86:



... وقرئ «تقية الله» بالفوقية أيتقوا هتعال المعاصي...

Qiraat ini diriwayatkan oleh al-Hasan al-Basri yang merupakan salah seorang daripada perawi Qiraat *Shadhdhah*. (Muhammad Fahd Kharuf, 1995: 231)

7- Qiraat yang tiada sumber tetapi sebenarnya *shadhdhah* tanpa *tawjih al-Qira'at*.

Qiraat dalam kategori ini sama seperti di atas melainkan pengarang tidak menyertakan *tawjih* hanya sekadar menyebut bacaannya sahaja (Nawawi Banten, 1997: 561). Contohnya seperti dalam surah al-Ra'd ayat 33:



... وقرئ بكسر الصاد علنقل حركة الدال المكسورة إليها...

Qiraat ini diriwayatkan oleh al-A^c mash yang merupakan salah seorang daripada perawi Qiraat *Shadhdhah*. (Muhammad Fahd Kharuf, 1995: 253)

5. Kesimpulan

Penggunaan istilah (قرئ) oleh Sheikh Nawawi sama sekali tidak menunjukkan bahawa qiraat tersebut tiada sandaran periwayatan. Untuk itu setiap satu qiraat yang menggunakan istilah tersebut perlu diteliti dan dikenalpasti sumber periwayatannya sama ada bersumberkan qiraat *mutawatirah* mahu pun *shadhdhah*. Qiraat yang tidak ditemukan sumbernya perlu dirujuk kepada keempat-empat tafsir yang menjadi rujukan Sheikh Nawawi. Tidak semua sumber periwayatan qiraat dalam *Marah Labid* boleh dipertanggung jawabkan dan perlu kepada analisis dan kajian yang selanjutnya. Walau bagaimanapun kewujudan *tawjih* menunjukkan Sheikh Nawawi sangat mementingkan qiraat sebagai sumber penghujahannya dalam mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran.

Rujukan

^cAbd al-Fattah^c Abd al-Ghani al-Qadi (1999), *al-Wafi fi Sharh al-Shatibiyyah*, Jedah: Maktabah Sawadi.

^cAbd al-Halim ibn Muhammad Hādi Qābah (1999M), *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah: Tārikhuha, Thubūtuha, Hujjiyatuhā wa Ahkāmuhā*, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi.

Muhammad Fahd Kharuf (1995), *al-Muyassar fi al-Qira'at al-Arba'ah^c Asharah*, Beirut: Dār Ibn Kathir.

Muhammad ibn ‘Umar ibn Sālim Bāzamūl (1996), *al-Qirā’āt wa Atharuhā fi al-Tafsir wa al-Ahkām*, j. 1. Riyadh: Dār al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.

Muhammad ibn ‘Umar Nawawi al-Jāwi (1417H/1997M), *Marāh Labid li Kashf Ma‘na al-Qur’ān al-Majid*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.